



Universiti tuntut pelajar transformasi diri

Mahasiswa mesti bersedia jadi modal insan mahir, berintegriti dan bermaruah

K EJAYAAN 40,506 pelajar baru yang ditawarkan ke program ijazah pertama sesi akademik 2010/2011 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) baru-baru ini adalah hasil titik permulaan kumpulan terpilih daripada kalangan terbaik merintis perjuangan dan menggalas tanggungjawab amat besar bukan saja kepada diri sendiri, malah keluarga, masyarakat dan negara.

Sebagai warga baru dalam komuniti universiti, pelajar mesti sedar universiti sebagai gedung ilmu dan menara keintelektualan yang menemukan ilmuwan, cendekian dan masyarakat pencinta ilmu memainkan peranan penting melahirkan ilmuwan progresif dan inovatif.

Pelajar perlu berupaya mencerna matlamat universiti untuk melahirkan sumber manusia yang cerdik pandai, berakal budi, memiliki profesionalisme, berfikir dan bertindak berlandaskan ilmu, serta mampu menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Pelajar sebagai modal insan yang penting untuk memacu pembangunan perlu memanfaatkan tawaran ini bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan bersesuaian supaya menjadi modal insan yang lebih berkemahiran, berintegriti dan bermaruah.

Pelbagai cabaran dan halangan



GAMBAR HIJASAN

GRADUAN masa kini mesti memiliki pemikiran kritis, intelektual dan proaktif untuk bersaing dalam ekonomi yang tidak menentu.

akan ditempuhi pelajar hasil perembungan persekitaran yang memerlukan daya kekuatan menyuaikan diri kerana kegagalan memahami tanggungjawab dan membina kematangan berfikir akan menjerumuskan mereka dalam pelbagai kancan peribadi dan gejala sosial.

Mahasiswa baru perlu proaktif mencari sumber rujukan terbaik supaya tidak menghadapi masalah kejutan budaya. Baru-baru ini saya tertarik membaca sebuah buku yang boleh disifatkan sebagai an-

tara rujukan berguna kepada mahasiswa baru iaitu *Rahsia Mahasiswa Cemerlang* dihasilkan oleh Pusat Kokurikulum UPM bagi membantu kehidupan sebagai pelajar berkualiti di kampus.

Buku yang mengandungi koleksi pengalaman pelajar cemerlang dalam aktiviti kokurikulum, aplikasi kemahiran insaniah dan panduan belajar amat sesuai sebagai pautan dan sumber inspirasi menjelang pelajar cemerlang. Buku ini turut membincangkan mengenai bagaimana menjadi pelajar cemer-

lang dengan menggunakan kaedah *Focus Group Discussion (FGD)* dan *Nominal Group Technique (NGT)* dengan penyatuan 22 minda pelajar cemerlang.

Selain itu, pelajar seharusnya menjana pemikiran baru bahawa mereka sebenarnya mempunyai matlamat sebagai pemikiran dominan dan membentuk imej mental yang kental ke arah mencapai kesuksesan.

Dalam menguasai pemikiran dominan ini, pelajar hendaklah bertanya kepada diri sendiri: Apakah yang mesti saya lakukan untuk menyediakan diri saya agar menjadi sebahagian daripada pelajar terbaik? Apakah strategi yang perlu saya laksanakan untuk memastikan saya mengambil penuh kesempatan daripada segala peluang yang ada di universiti sebelum menempuh alam pekerjaan? Dan apakah makna kejayaan kepada diri saya, keluarga dan negara?

Pemikiran dominan yang melihat kejayaan masa depan dan imej mental yang kental menuntut kepada perubahan sikap pelajar supaya tidak menjadikan budaya mudah selesa, pergaulan bebas, ‘honeymoon’ dan berpolitik di luar batasan dalam universiti.

Pelajar juga perlu menjauhi amalan budaya ponteng kuliah dan tidak menghormati ilmu, sebaliknya menjana perubahan minda dan sikap seperti gigih berusaha, berfi-

kiran positif, berkeyakinan, membentuk peribadi unggul dan membina strategi berkesan dalam menjadikan agenda pembelajaran, pengetahuan dan pembangunan potensi diri sebagai matlamat utama di universiti.

Apabila melangkah masuk ke universiti, pelajar perlu membuat transformasi sikap supaya lebih matang dan tahu membuat pertimbangan dalam menangani keperluan peribadi yang tiada batasnya supaya pelajar mempunyai standard tersendiri dari aspek cara berfikir dan tingkah laku.

Tanpa mengabaikan pelajaran, pelajar juga perlu mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh universiti supaya memiliki kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional termasuk kemahiran kepemimpinan.

Satu perkara perlu diingat pelajar ialah apabila bergelar graduan kelelawar, pelajar akan menghadapi cabaran mencari pekerjaan dalam pasaran ekonomi sengit persaingannya dan ia memerlukan keampuhan kemahiran serta pengetahuan.

Penulis ialah Ketua Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Putra Malaysia